

## KENYATAAN MEDIA

### MyMAP MENGANUGERAHKAN PENARAFAN BINTANG KEPADA DUA BUAH MODEL MOTOSIKAL JENAMA WMOTO

---

**KAJANG, 16 JULAI 2021** – Program Penilaian Motosikal Malaysia (MyMAP) telah mengumumkan keputusan penilaian bagi dua buah model motosikal keluaran Mforce Bike Holdings iaitu WMOTO XTREME 150i dan WMOTO RT3. Kedua-dua model motosikal ini telah menunjukkan prestasi keselamatan yang memberangsangkan dan berjaya mendapat penarafan lima bintang dalam program MyMAP. Penarafan bintang MyMAP adalah hasil penilaian melalui empat kriteria utama iaitu pematuhan terhadap piawaian United Nations Economic Commission for Europe (UNECE), *Conformity of Production* (COP), teknologi ciri keselamatan dan juga program sokongan keselamatan pengguna.

Dilancarkan pada bulan Mac yang lalu, MyMAP yang diterajui oleh MIROS dengan kerjasama Malaysia Automotive Robotics and IoT Institute (MARii) bertujuan untuk meningkatkan tahap keselamatan motosikal melalui penarafan bintang sepertimana kejayaan program ASEAN NCAP untuk kenderaan penumpang. Di Malaysia, kebanyakan motosikal khususnya yang berkapasiti 250cc dan ke bawah tidak mempunyai peralatan keselamatan seperti Sistem Brek Anti-Kunci atau lebih dikenali sebagai *anti-lock braking system* (ABS). Walaupun ABS telah mula diperkenalkan sejak tahun 1988, namun masih banyak motosikal yang belum dilengkapi dengan teknologi keselamatan ini sedangkan ianya merupakan komponen paling penting yang berfungsi mencegah roda motosikal daripada terkunci sewaktu situasi membrek.

Melihat kepada masalah tersebut, MIROS mula menggesa pengeluar motosikal untuk meningkatkan penggunaan teknologi keselamatan pada motosikal dengan mempromosikan ABS pada peringkat permulaan program MyMAP ini. Program penarafan bintang ini sama seperti program lain seumpamanya yang akan dijadikan sebagai rujukan oleh pengguna untuk melihat dengan lebih lanjut aspek keselamatan yang dimiliki oleh motosikal sebelum melakukan pembelian.

Kedua-dua model WMOTO XTREME 150i dan WMOTO RT3 yang mendapat penarafan lima bintang ini telah dilengkapi ABS pada kedua-dua roda hadapan dan belakang. Sistem brek ini boleh meningkatkan keberkesanan brek dan kestabilan motosikal, termasuk pada permukaan jalan yang basah. Secara ringkasnya, sistem ABS pada motosikal membantu dalam mengurangkan risiko kemalangan dan mengelakkan kemalangan ketika situasi kecemasan.

Ketua Pengarah MIROS, PPj. Kehormat (PA) Ir. Ts. Dr. Khairil Anwar bin Abu Kassim berkata, kejayaan kedua-dua model dalam memperolehi lima bintang melalui program MyMAP telah menunjukkan komitmen pengeluar motosikal tempatan untuk menghasilkan motosikal yang lebih selamat dan dilengkapi teknologi keselamatan seperti ABS. MIROS sentiasa peka dan komited dalam memperjuangkan usaha kerajaan untuk menambahbaik aspek keselamatan motosikal dengan melihat teknologi-teknologi terkini yang boleh diterapkan bagi meningkatkan piawaian keselamatan sesebuah motosikal dan seterusnya merealisasikan pengaplikasian teknologi terkini secara bersepadu. “Melalui MyMAP, MIROS akan bekerjasama dengan ramai lagi pengeluar motosikal di luar sana untuk menggalakkan pemasangan teknologi keselamatan pada motosikal dan ianya tidak terhad kepada ABS sahaja. Diharapkan kerjasama seperti ini dapat mengurangkan kadar kemalangan dan kematian yang melibatkan penunggang motosikal,” tambah beliau.

MIROS mengalu-alukan pengeluar motosikal yang masih belum mengemukakan penyertaan dalam program MyMAP ini untuk mengemukakan permohonan melalui e-mel kepada [mymap@miros.gov.my](mailto:mymap@miros.gov.my).

###

Dikeluarkan oleh:

Unit Korporat dan Pengurusan Ilmu

Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS)

Lot 125-135, Jalan TKS 1, Taman Kajang Sentral, 43000 Kajang, SELANGOR

Tel: 03 - 8924 9200 E-mel: [inquiry@miros.gov.my](mailto:inquiry@miros.gov.my)